

21/07/2002

Kakitangan awam tetap teruskan tanggungjawab: KSN

GEORGETOWN: Kakitangan awam akan meneruskan perkhidmatannya mengikut prinsip yang sudah ditetapkan untuk menyokong kerajaan biarpun barisan pucuk pimpinan negara bertukar ganti.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata yang penting dijadikan sandaran bagi setiap kakitangan awam ialah melaksanakan segala tanggungjawab untuk negara secara bersih, cekap dan amanah.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Rumah Maksak Pulau Pinang, di Jalan Macalister, dekat sini, pagi semalam.

"Perkhidmatan awam bergerak mengikut prinsip tertentu dan pegawai kerajaan sudah berikrar melalui Surat Aku Janji yang mereka tandatangani untuk menjalankan tugas dengan penuh tanggung jawab kepada negara dan kerajaan yang memerintah.

"Jadi apa pun yang berlaku dalam kerajaan itu, kita teruskan usaha untuk mematuhi prinsip berkenaan di samping memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa cemerlang," katanya ketika diminta memberi pandangan sama ada pengumuman peletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober 2003 akan menjejaskan perkhidmatan awam.

Kata Samsudin, kakitangan awam perlu meneruskan komitmen untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang itu agar generasi masa depan negara tidak menghadapi masalah yang sering menimbulkan rungutan di kalangan pelanggan perkhidmatan awam sejak berpuluh tahun lalu.

"Jika kita tidak memperbaiki perkhidmatan kita mulai sekarang, saya bimbang apabila kita sudah bersara nanti kita akan kecewa kerana menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan atau layanan yang sempurna setiap kali berurusan dengan pegawai atau kakitangan awam yang lain.

"Yang penting diingat ialah biar setinggi mana pun tahap kecemerlangan perkhidmatan kita, adalah mustahil untuk kita memuaskan setiap pelanggan yang ada.

"Untuk itu, usaha dan komitmen itu perlu dipupuk agar dapat dilanjutkan biar pun kita sudah mencecah usia untuk bersara," katanya.

Berhubung kegiatan Maksak pula Samsudin memuji kerajaan negeri kerana menyerahkan sebuah bangunan warisan untuk dijadikan sebagai Rumah Maksak negeri.

"Saya tahu bahawa Maksak Pulau Pinang sentiasa aktif dalam menjalankan kegiatan kebudayaan dan kesukanannya dan dengan adanya rumah ini tentulah dapat memberi ruang kepada ahli untuk mengasah bakat di samping menimba pengalaman di luar waktu pejabat.

"Aspek ini juga perlu digalakkan kerana sudah terbukti bahawa segala hubungan yang dijalin secara tidak rasmi seperti melalui kegiatan Maksak ini akan melahirkan kerjasama yang bermanfaat dalam interaksi rasmi di pejabat pula," katanya.

Turut hadir di majlis perasmian itu ialah Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Khalid Ramli dan ketua jabatan serta agensi kerajaan negeri.